

Artikel

Tahap Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Mahasiswa Tajaan Negeri Selangor di Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah Mesir

(The level of mastery of Arabic listening skills of Selangor State-sponsored students at Markaz Bahasa Sheikh Zayed Cairo Egypt)

Nurul Adibah Zulkiple*, Janudin Sardi & Fauzi Azmi

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, 40450, Shah Alam Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: nuruladibahzulkiple@gmail.com

Abstrak: Kajian ini memfokuskan kepada tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab mahasiswa tajaan Negeri Selangor yang belajar di Universiti al-Azhar Kaherah, Mesir dan melibatkan 76 orang responden. Pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif melalui ujian diagnostik kemahiran mendengar bahasa Arab dan instrumen soal selidik. Bagi analisis data, pengkaji telah menggunakan SPSS Versi 26.0. Berdasarkan dapatan kajian, tahap penguasaan mahasiswa tajaan Negeri Selangor dalam ujian kemahiran mendengar bahasa Arab adalah pada tahap *Jayyid Jiddan* (sangat baik), dan pada skor min tahap tinggi. Pengkaji juga mendapati faktor pengetahuan asas bahasa mahasiswa merupakan bentuk kelemahan yang memberikan skor min pada tahap tinggi. Hasil kajian juga mendapati majoriti mahasiswa sangat bersetuju bahawa dengan menguasai kemahiran mendengar, mahasiswa akan dapat memperbaiki kemahiran-kemahiran yang lain. Kajian ini penting untuk kepada mahasiswa Malaysia khususnya mahasiswa tajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan mutu pencapaian bahasa Arab dan mendapat keputusan lebih baik bagi tahap penguasaan kemahiran mendengar. Selain itu, hasil kajian juga diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan terutamanya jabatan pendidikan dan penaja seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor, dan pihak pentadbiran untuk membantu mengurangkan risiko mahasiswa gagal dalam ujian Imtihan Qabul di Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah, Mesir.

Kata kunci: Kemahiran Mendengar; Bahasa Arab; Imtihan Qabul; Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah Mesir; Mahasiswa Tajaan.

Abstract: This study focuses on the level of mastery of Arabic listening skills of Selangor State-sponsored students studying at al-Azhar Cairo University, Egypt, and involves 76 respondents. Researchers have used quantitative methods through diagnostic tests of Arabic listening skills and questionnaire instruments. For data analysis, researchers have used SPSS Version 26.0. Results shown that, the level of proficiency of Selangor State-sponsored students in the Arabic language listening skills test is at *Jayyid Jiddan* level (excellent) and at a high mean score. Researchers also found that the basic knowledge factor of the student's language is a form of weakness given that the mean score is at a high level. The findings also found that the majority of students strongly agree that by mastering listening skills, students will be able to improve their other skills. This study is important for Malaysian students, especially those sponsored by the State of Selangor, to improve the quality of Arabic language achievement and get better results for the level of listening skills. Furthermore, the study's findings are expected to assist stakeholders, particularly education departments and sponsors such as the Selangor State Secretary's Office, the Selangor Zakat Board, and the administration, in lowering the likelihood of students failing the Imtihan Qabul test at Markaz Bahasa Sheikh Zayed Cairo, Egypt.

Keywords: Listening Skills; Arabic; Qabul Exam; Sheikh Zayed Language Center; Sponsored Students.

Pengenalan

Bahasa merupakan satu alat yang digunakan dalam penyampaian atau penerimaan ilmu pengetahuan yang dianggap sebagai satu pengantara yang boleh memberi implikasi kepada pertukaran budaya dan kunci dalam merapatkan satu hubungan diplomatik antara dua buah negara. Berdasarkan kajian Arifin et al. (2021), dalam memahami dan mempelajari sesebuah laras bahasa baru, kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai mengikut urutan yang betul iaitu bermula daripada aspek kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Menurut Zurqoni et al. (2020) pula, bahasa Arab sama seperti bahasa Inggeris yang merupakan salah satu bahasa antarabangsa yang biasa digunakan dalam sumber ilmu pengetahuan seperti al-Quran, Hadis, Ijma, Qiyas, serta sumber saintifik yang lain. Melalui kajian He (2017) pula, beliau menyatakan bahawa bahasa Cina mendapat permintaan yang tinggi, tetapi menuntut penuturnya untuk menumpukan kehidupan profesional dalam kerjaya dan berada di negara tertentu. Berbeza dengan bahasa Arab, berdasarkan kajian Al-Sabbagh et al. (2019), bahasa ini menyediakan gabungan unik iaitu kemahiran bahasa kritikal dan kebolegunaan di lebih 20 buah negara, dengan anggaran 300 juta orang penutur asli bahasa Arab. Nurdianto et al. (2020) pula menegaskan bahawa penguasaan bahasa Arab berdasarkan tiga bahagian utama iaitu, pertuturan, pendengaran dan lisan.

Terdapat isu berhubung dengan penguasaan bahasa Arab daripada kalangan mahasiswa yang lulus dalam ujian Imtihan Qabul (IQ). Ujian kelayakan bahasa Arab atau Imtihan Qabul merupakan syarat utama untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar. Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah, Mesir ialah pusat antarabangsa untuk mengajar bahasa Arab Standard kepada penutur bukan asli mengikut standard kualiti antarabangsa. Pusat ini menyumbang kepada penyediaan ujian penguasaan bahasa dan pendidikan elektronik mendengar, bercakap, membaca dan menulis pada tahap yang melayakkan mereka belajar di al-Azhar, dan menggunakan bahasa Arab bersama para pelajar.

Berdasarkan artikel Malakat Tribune News, (2020), memetik ucapan dari Datuk Fakhruddin Abdul Mukti selaku Presiden Rabitah al-Azhar Malaysia, beliau menganggarkan setiap tahun, hampir 5000 orang pelajar Malaysia telah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti terkemuka di Timur Tengah seperti di Mesir, Jordan dan juga Magribi. Setiap pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran ke Kaherah, Mesir diwajibkan untuk lulus dalam ujian Imtihan Qabul. Pengkaji juga mendapati terdapat halangan dalam kemahiran mendengar bahasa Arab yang menyebabkan mahasiswa melakukan kesilapan dalam ujian Imtihan Qabul mengikut format yang telah ditetapkan. Mahasiswa yang tidak dapat meneruskan pengajian mengikut jangka masa yang telah ditetapkan kerana perlu menduduki ujian Imtihan Qabul bagi mendapatkan kelulusan yang baik. Secara umumnya setiap mahasiswa yang akan melanjutkan pelajaran ke negara-negara Timur Tengah terutamanya Kaherah, Mesir perlu mengikuti kelas persediaan yang dianjurkan oleh Pusat Bahasa dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Bagi mahasiswa yang berasal daripada Negeri Selangor, mereka akan mengikuti kelas persediaan yang dianjurkan dibawah Pusat Bahasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pengkaji mendapati terdapat faktor yang menghalang pelajar mencapai keputusan cemerlang dalam ujian IQ walaupun mahasiswa mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab semasa mereka menduduki pelajaran di sekolah menengah seperti SPM dan STAM. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara apabila keputusan yang diperolehi oleh mahasiswa ini menunjukkan keputusan lulus dengan baik dalam bahasa Arab di peringkat SPM dan STAM, namun apabila mereka menduduki ujian Imtihan Qabul, keputusan yang diperolehi dalam kategori Permulaan 1 (Mubtadi Awal) adalah seramai 1 orang, Permulaan 2 (Mubtadi Thani) 10 orang, Pertengahan 1 (Mutawasit Awal) 26 orang, dan Pertengahan 2 (Mutawasit Thani) 18 orang, Lanjutan 1 (Mutaqadim Awal) 4 orang, Lanjutan 2 (Mutaqadim Thani) 3 orang, dan tiada pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang (Mutamayyiz). Ini menunjukkan kecemerlangan bahasa Arab dalam peperiksaan SPM dan STAM tidak menunjukkan signifikan kepada kecemerlangan dalam ujian IQ di Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah, Mesir. Selain itu, pengkaji mendapati terdapat halangan dalam kemahiran mendengar bahasa Arab yang menyebabkan mahasiswa melakukan kesilapan dalam ujian Imtihan Qabul. Berdasarkan penjelasan di atas, maka pengkaji menyediakan dua objektif kajian iaitu:

- Mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab mahasiswa tajaan Negeri Selangor berdasarkan Imtihan Qabul di Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah Mesir.

- Mengenal pasti bentuk kelemahan mahasiswa tajaan Negeri Selangor dalam ujian kemahiran mendengar bahasa Arab berdasarkan Imtihan Qabul di Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaheerah Mesir

Tinjauan Literatur

Bahasa merupakan komponen penting dalam membina perhubungan manusia. Semua makhluk di muka bumi berkomunikasi dengan cara mereka sendiri, manusia adalah satu-satunya yang telah menguasai komunikasi bahasa kognitif. Berdasarkan kajian Fraser-Thill (2021), bahasa memungkinkan kita menyampaikan idea, fikiran, dan perasaan kita kepada orang lain. Ia mempunyai keupayaan untuk membina mahupun memusnahkan masyarakat. Dengan mempelajari bahasa, kita telah menguasai sistem kata-kata, struktur, dan tatabahasa yang kompleks yang membolehkan kita berkomunikasi dengan berkesan dengan orang lain. Malah sebelum kita boleh bercakap, berdasarkan Meifang (2022), kita belajar bagaimana untuk berkomunikasi, dan apabila kita semakin tua, kita belajar bagaimana untuk memanipulasi bahasa untuk benar-benar menyampaikan apa yang kita mahu katakan dengan kata-kata dan ayat-ayat yang rumit, dan tidak semua komunikasi dilakukan melalui bahasa, tetapi pembelajaran bahasa pasti membantu.

Keupayaan untuk memahami maklumat semasa aktiviti mendengar atau memindahkan maklumat dalam komunikasi bertulis atau lisan ditakrifkan sebagai keupayaan mendengar yang baik kerana menurut Erickson (2015), keupayaan ini juga merujuk kepada proses untuk memahami, berkomunikasi, dan bertindak balas terhadap apa yang sedang didengar. Kemahiran mendengar adalah batu loncatan untuk belajar bahasa dan menurut Williams (2019), mendengar dengan baik merupakan salah satu kemahiran yang paling penting yang mesti dikuasai oleh pelajar bahasa kerana ia berkait rapat dengan proses komunikasi. Mendengar dapat membantu pelajar dalam menjalankan komunikasi yang berkesan. Kecekapan komunikatif pelajar berjaya wujud bersama dengan kemahiran mendengar mereka yang baik. Dalam artikel Williams (2019), aktiviti mendengar merupakan aktiviti yang paling biasa dalam komunikasi harian (40 peratus), diikuti dengan bercakap (35 peratus), membaca (16 peratus), menulis (5 peratus), lain-lain (4 peratus). Dalam erti kata lain, proses komunikasi akan gagal jika ia tidak disertai dengan kemahiran mendengar yang baik.

Berdasarkan kajian Zurqoni et al., (2020), pembelajaran bahasa Arab tidak boleh dikategorikan sebagai kejayaan, kerana guru dan pelajar mengalami beberapa kesukaran semasa proses pembelajaran. Kesukaran tersebut disebabkan oleh beberapa faktor seperti input pelajar yang tidak dapat membaca bahasa Arab dengan lancar dan penguasaan kosa kata asas, pengubahsuaian kata kerja bahasa Arab, dan waktu pembelajaran terhad untuk pelajar. Selain itu, strategi belajar penting berdasarkan kajian Aboudahr (2020);, Baharudin & Khodari (2022);, dan Saja et al. (2021), kerana pembelajaran bahasa Arab boleh dibantu dengan pembelajaran melalui video dan audio. Dalam kajian Aziz et al. (2022) pula, beliau menyentuh faktor luaran mempengaruhi kebolehan mendengar dan membaca pelajar dengan memberikan motivasi dan dorongan kepada mereka.

Secara tidak langsung, kemahiran mendengar berkaitan rapat dengan kemahiran lain seperti kemahiran komunikasi, kemahiran menulis dan kemahiran membaca. Pelajar tidak dapat menguasai aspek penulisan yang lain, sekiranya pelajar tidak dapat menangkap atau memahami apakah perkataan yang dituturkan oleh penutur dalam bahasa Arab. Oleh itu tanpa kemahiran mendengar yang baik, pelajar tidak dapat memahami bahasa Arab tersebut. Terdapat pelajar yang gagal memperoleh keputusan yang cemerlang dalam ujian Imtihan Qabul ini terutamanya dalam kemahiran mendengar. Perkara ini menunjukkan mahasiswa tidak dapat menguasai aras yang paling penting iaitu aras satu (pengetahuan). Oleh itu, pengkaji mengenal pasti lima elemen yang mendorong kepada keupayaan mahasiswa dalam kemahiran mendengar ketika menjalani ujian Imtihan Qabul iaitu kualiti audio, aktiviti mendengar, pengetahuan asas bahasa, strategi mendengar, dan motivasi pelajar. Kualiti audio merangkumi aspek gaya komunikasi penyampai atau dialek dalam bahasa Arab. Aktiviti mendengar pula, menurut Khasanah (2021), aktiviti yang terlibat berkaitan dengan aktiviti pengesanan, pentafsiran, penilaian dan memberi maklum balas. Seterusnya, elemen pengetahuan asas bahasa pula terdiri daripada perbendaharaan kata, tatabahasa, sebutan, dan komponen bahasa lain (Hadijah & Shalawati, 2016). Menurut Al-Nafisah (2019), strategi mendengar merangkumi keupayaan mahasiswa untuk mengenal pasti gaya bahasa yang didengar dan tahap kemahiran pelajar dalam

note taking. Elemen yang terakhir, motivasi pelajar berkaitan dengan motivasi, kecekalan, dan turut dipengaruhi oleh masa pelajar menangkap audio yang didengar mendengar dan ketika menduduki ujian Imtihan Qabul berlangsung (Al-Nafisah, 2019).

Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif. Pengumpulan data bermula daripada mengenal pasti persoalan utama daripada objektif kajian iaitu mengetahui tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan mahasiswa tajaan Negeri Selangor di Markaz Bahasa Sheikh Zayed, Kaherah Mesir. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis oleh pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Populasi keseluruhan mahasiswa Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah Mesir yang terdiri daripada anak kelahiran Negeri Selangor mengambil ujian Imtihan Qabul bagi tahun 2021 seramai 91 orang. Oleh itu, berdasarkan kajian Krejcie & Morgan (1970), terdapat 76 sampel kajian diperlukan. Bagi memastikan soalan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab ini diakui kesahannya, pengkaji telah membuat perbincangan bersama penyelia serta tenaga pengajar di Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah, Mesir yang mahir dalam bidang yang dikaji ini. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan ujian rintis terhadap 30 orang sampel dan memperoleh nilai *Cronbach alpha* 0.892.

Seterusnya, pengkaji menganalisis kumpulan data melalui menjumlahkan dan menyusun frekuensi dan peratus, persembahan grafik menggunakan graf, dan menggunakan metrik berangka seperti min, dan sisihan piawai. Pengkaji menginterpretasikan skor min berdasarkan kajian Jamil (2002).

Jadual 1. Interpretasi skor min

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil (2002)

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Analisis Tahap Penguasaan Kemahiran mendengar Bahasa Arab

Majoriti 56 orang responden mendapat keputusan cemerlang dalam bahasa Arab pada peringkat SPM dan majoriti 64 orang mahasiswa mendapat keputusan yang cemerlang (keputusan Mumtaz) pada peringkat STAM. Namun, berdasarkan keputusan ujian IQ sebenar, responden hanya memperoleh keputusan pada tahap Permulaan 2 (7.9%), Pertengahan 1 (51.3%), dan Pertengahan 2 (40.8%).

Berdasarkan ulasan literatur, pengkaji menyimpulkan bahawa belajar bahasa merupakan tugas yang sukar dan memakan masa yang memerlukan dedikasi, ketekunan, dan kerja keras. Dalam kajian Kim (2020), perkara yang mungkin kita alpa adalah terdapat strategi yang boleh membantu kita dalam belajar dengan lebih berkesan, membolehkan bukan penutur asal memanfaatkan sepenuhnya masa dan tenaga belajar bahasa baru. Merujuk kepada jadual peringkat (Mustawa) yang melayakkan mahasiswa ke kuliah Universiti al-Azhar, keputusan mahasiswa ini adalah pada tahap 1 (permulaan 1) dan tahap 2 (pertengahan 1 dan pertengahan 2). Secara kumulatif, 92.1% mahasiswa menunjukkan tahap keputusan peringkat pengajian pada tahap 2 iaitu Pertengahan 1 dan 2 sahaja.

Aktiviti mendengar, bercakap, membaca, menulis, mempelajari abjad baru dan format penulisan adalah sebahagian daripada pembelajaran. Oleh itu, apabila seseorang menumpukan perhatian semata-mata pada satu aktiviti, kemungkinan aktiviti lain akan menyerlah. Berdasarkan kajian Rincón-Gallardo (2020), penglibatan elemen utama dalam pembelajaran bahasa iaitu mencari sumber input (seperti buku teks) dan mengamalkan pemahaman dengan mudah. Walau bagaimanapun, dengan mengabaikan dua prinsip utama yang lain (output dan maklum balas atau ulasan), perkara ini boleh menyekat pertumbuhan memahami bahasa.

Pengkaji mendapati tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab mahasiswa tajaan Negeri Selangor berdasarkan keputusan skor dari Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaheerah Mesir adalah pada tahap *Jayyid Jiddan* (sangat baik). Skor min menunjukkan nilai min keseluruhan adalah 3.73, dan menurut kajian (Jamil, 2002) keputusan analisis min ini berada dalam julat 3.67 – 5.00 yang membawa maksud tahap penguasaan kemahiran mendengar mahasiswa dalam ujian kemahiran mendengar adalah pada tahap tinggi.

Jadual 2. Keputusan IQ berdasarkan analisis demografi

Gred	Kekerapan	Peratusan (%)
Permulaan 2	6	7.9
Pertengahan 1	39	51.3
Pertengahan 2	31	40.8
Jumlah	76	100.0

Sumber: Nurul Adibah (2022)

Jadual 3. Ujian kemahiran mendengar bahasa Arab berdasarkan ujian diagnostik

Tahap	Gred	Kekerapan	Peratusan (%)
4	Mumtaz (Cemerlang)	4	5.3
3	Jayyid Jiddan (Sangat baik)	42	55.3
2	Jayyid (Baik)	29	38.2
1	Makbul (Lulus)	1	1.3
0	Rasib (Gagal)	0	0
Jumlah		76	100.0

Sumber: Nurul Adibah (2022)

2. Analisis Bentuk Kelemahan Kemahiran mendengar Bahasa Arab

Dapatan kajian mendapati, mahasiswa sukar untuk memahami dialek bahasa Arab walaupun audio dimainkan dua kali atau tiga kali kerana sebutan yang telah disingkatkan atau ditukar berdasarkan dialek tempatan, menyebabkan mahasiswa menghadapi kesukaran dan kekeliruan. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa amalan pelajar seperti latihan mendengar bahasa Arab perlu diajarkan terlebih dahulu sebelum kemahiran lain seperti kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan juga kemahiran menulis. Ini kerana, kemahiran mendengar yang berjaya memerlukan waktu, banyak perhatian, dan latihan. Latihan mendengar bahasa Arab perlu diajarkan secara terpisah dengan kemahiran lain kerana dengan adanya strategi dan amalan mendengar dapat meningkatkan kemahiran mendengar mahasiswa.

Berdasarkan jadual 4, elemen utama yang mempengaruhi kelemahan mahasiswa semasa menjalani ujian IQ adalah elemen motivasi pelajar dengan nilai 4.24, diikuti pengetahuan asas bahasa dengan nilai 4.11, seterusnya, kualiti audio dengan nilai 4.06, strategi mendengar dengan nilai 4.04, dan yang terakhir aktiviti mendengar dengan nilai 4.03.

Jadual 4. Skor min keseluruhan

Perincian	Skor min
Kualiti audio	4.06
Aktiviti mendengar	4.03
Pengetahuan asas bahasa	4.11
Strategi mendengar	4.04
Motivasi pelajar	4.24

Pengkaji turut menganalisis faktor kelemahan mahasiswa berdasarkan pengujian item daripada soalan soal selidik. Terdapat 17 item yang menunjukkan nilai min melebihi 4. Berdasarkan Jadual 5, terdapat dua item yang menunjukkan nilai min di bawah 4 iaitu pada item “saya berupaya untuk memahami maklumat semasa aktiviti mendengar” dan “saya memahami dialek tempatan bahasa Arab” masing-masing dengan nilai 3.78 (sisihan piawai = 0.776) dan 3.51 (sisihan piawai = 0.825). Bagi item semasa aktiviti mendengar, faktor kelantangan suara dan kelajuan penyampai boleh menyebabkan mahasiswa hilang fokus semasa tempoh ujian Imtihan Qabul dilaksanakan pula menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu 4.80 (sisihan piawai = 0.401).

Faktor kelemahan yang pertama iaitu faktor kelantangan suara dan kelajuan penyampai semasa aktiviti ujian mendengar yang menyebabkan mahasiswa hilang fokus semasa ujian Imtihan Qabul. Keputusan ini juga disokong oleh kajian Vega (2016), iaitu seorang pelajar haruslah meningkatkan pengetahuan bahasa asas mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti mendengar, dan ketika aktiviti mendengar, pelbagai faktor seperti kelantangan, kelajuan, aksen, intonasi dan strategi mendengar. Selain itu, cara sebutan juga boleh menyebabkan pelajar tidak fokus dengan perkara yang didengari (Vega, 2016).

Dalam kajian ini juga, mahasiswa bersetuju dengan bentuk kelemahan berkaitan dengan faktor strategi mendengar, faktor intonasi dan sebutan penyampai boleh menyebabkan mahasiswa hilang fokus semasa ujian Imtihan Qabul. Bentuk kelemahan ini disokong oleh Erickzon (2015), kerana seorang pelajar akan menggunakan maklumat seperti persekitaran atau intonasi, serta mengharapkan maklumat yang mereka dengar difahami. Bentuk kelemahan juga merangkumi aktiviti pengucapan kata-kata, frasa, dan ayat, sekaligus ketika aktiviti pengesanan, tafsiran, penilaian dan memberi maklum balas dengan sepenuhnya ketika ujian Imtihan Qabul. Pengkaji mendapati bahawa kajian Arcidiacono & Convertini (2021), turut menyokong bentuk kelemahan ini kerana aktiviti-aktiviti penilaian menentukan pesanan memahami kehendak berdasarkan maklumat yang ada dan sama ada pesanan diterima dengan baik. Kajian Protsenko (2021) turut menyokong bahawa penggunaan bentuk lisan atau tindak balas fizikal sebagai tindak balas kepada urutan dalam proses penilaian. Pengkaji juga mendapati mahasiswa turut memberi respon terhadap bentuk kelemahan dari segi kesukaran untuk memahami perkataan dan maklumat yang akhirnya menyebabkan mahasiswa keliru dengan idea utama dalam maklumat yang diterima.

Jadual 5. Faktor kelemahan mahasiswa

Statistik deskripsi			
Item kenyataan	N	Min	Sisihan piawai
Semasa aktiviti mendengar, faktor kelantangan suara dan kelajuan penyampai boleh menyebabkan mahasiswa hilang fokus semasa ujian IQ.	76	4.80	.401
Semasa aktiviti mendengar, faktor strategi mendengar menyebabkan mahasiswa hilang fokus semasa ujian IQ ini.	76	4.74	.443
Semasa aktiviti mendengar, faktor intonasi dan sebutan penyampai boleh menyebabkan mahasiswa hilang fokus semasa ujian IQ ini.	76	4.74	.443
Aktiviti mendengar ialah proses komunikasi berkait rapat dengan aktiviti mengucap kata-kata, frasa, dan ayat.	76	4.68	.468
Saya menggunakan aktiviti pengesanan, tafsiran, penilaian dan memberi maklum balas dengan sepenuhnya ketika ujian IQ.	76	4.66	.555
Saya dapati masalah seperti memahami perkataan tetapi tidak memahami maklumat, seterusnya menyebabkan saya terkeliru dengan idea utama dalam maklumat.	76	4.63	.486
Kaedah penyampaian dan perkataan yang digunakan oleh penyampai dalam perbualan atau monolog adalah jelas.	76	4.61	.544
Saya dapat membentuk gambaran perkataan yang didengar.	76	4.59	.495
Latihan mendengar bahasa Arab perlu diajarkan terlebih dahulu sebelum kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan juga kemahiran menulis.	76	4.58	.497

Aktiviti mendengar ialah keupayaan individu untuk mengetahui sebutan yang betul dari setiap perkataan.	76	4.57	.499
Saya akan menghadapi isu cepat lupa apa yang didengar.	76	4.57	.499
Saya kurang mahir untuk tidak mengendahkan bahagian teks kerana terlalu memberi perhatian kepada maksud perkataan yang didengari.	76	4.55	.501
Latihan mendengar bahasa Arab perlu diajarkan secara terpisah dengan kemahiran lain.	76	4.55	.501
Saya mempunyai pengetahuan mengenai topik, dan konteks, dan pengetahuan umum soalan dalam ujian IQ.	76	4.37	.538
Saya menerima maklumat secara lisan dan memahami maklumat dengan baik.	76	4.25	.436
Saya memperkayakan diri saya dengan cara sebutan untuk mempunyai kemahiran mendengar yang baik dalam bahasa Arab.	76	4.14	.626
Mendengar dapat membantu saya dalam menjalankan aktiviti komunikasi dengan berkesan.	76	4.13	.885
Saya memperkayakan diri saya dengan perbendaharaan kata untuk mempunyai kemahiran mendengar yang baik dalam bahasa Arab.	76	4.11	.665
Saya memperkayakan diri saya dengan pengetahuan tatabahasa untuk mempunyai kemahiran mendengar yang baik dalam bahasa Arab.	76	4.09	.677
Saya menerima maklumat secara isyarat dan memahami maklumat dengan baik.	76	4.05	.609
Saya berupaya untuk memahami maklumat semasa aktiviti mendengar.	76	3.78	.776
Saya memahami dialek tempatan bahasa Arab.	76	3.51	.825

Implikasi kajian

Berdasarkan dapatan kajian, semasa ujian kemahiran mendengar, mahasiswa boleh hilang fokus semasa ujian Imtihan Qabul sekiranya elemen kelantangan suara, kelajuan penyampai, elemen intonasi serta sebutan penyampai tidak jelas. Justeru itu, strategi dan amalan mendengar perlu digunakan sebaik mungkin terutamanya dalam menyusun struktur morfologi perkataan asing yang terdapat dalam aktiviti mendengar sekali gus memberi kesan terhadap proses pengesanan, tafsiran, penilaian dan memberi maklum balas dengan sepenuhnya ketika ujian Imtihan Qabul. Mahasiswa memerlukan keupayaan diri sendiri dalam menguasai pengetahuan bahasa asas dalam berbahasa Arab selain mempunyai set pemahaman merangkumi pengetahuan mengenai topik ujian Imtihan Qabul, konteks ujian Imtihan Qabul, dan pengetahuan umum.

Selain itu, kesukaran untuk memahami dialek bahasa Arab walaupun audio dimainkan dua kali atau tiga kali kerana sebutan yang telah disingkatkan atau ditukar berdasarkan dialek tempatan, sekali gus perkara ini menyebabkan mahasiswa menghadapi kesukaran dan kekeliruan. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa amalan pelajar seperti latihan mendengar bahasa Arab perlu diajarkan terlebih dahulu sebelum kemahiran lain seperti kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan juga kemahiran menulis. Ini kerana kemahiran mendengar yang berjaya memerlukan waktu, banyak perhatian, dan latihan.

Pengkaji mencadangkan latihan mendengar bahasa Arab perlu diajarkan secara terpisah dengan kemahiran lain kerana dengan adanya strategi dan amalan mendengar dapat meningkatkan kemahiran mendengar mahasiswa. Kemahiran mendengar berkait rapat dengan kemahiran bertutur kerana melibatkan aktiviti bertutur, frasa, dan ayat. Maka, kemahiran mendengar dapat membantu mahasiswa memperbaiki kemahiran bertutur. Selain itu, sekiranya tiada pemahaman yang betul tentang bahasa Arab, maka, mahasiswa tidak akan dapat menguasai pembelajaran dengan lebih baik. Pengkaji juga percaya bahawa kebolehan mendengar merupakan salah satu prinsip dalam kebolehan bertutur. Mahasiswa perlu meluaskan pengetahuan berkenaan isu-isu semasa, sejarah, penyelidikan saintifik, dan pelbagai perkara lain. Selain akan berlakunya kesan yang baik (atau tidak) kesan daripada ilmu pengetahuan seseorang sebelum ini dan seterusnya akan mempengaruhi proses pemahaman mendengar. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa mahasiswa boleh terus memperbaiki dan mengemas kini pengetahuan mereka ketika mengambil bahagian

dalam aktiviti mendengar.

Strategi mendengar, gaya penyampaian penutur, dan tahap kemahiran mendengar memberi gambaran bahawa, sekiranya tidak dikuasai dengan baik, maka, masalah yang akan dihadapi mahasiswa seperti memahami perkataan tetapi tidak memahami maklumat menyebabkan mereka terkeliru dengan idea utama dalam maklumat tersebut. Ringkasnya, pelajar harus dapat menggunakan strategi mendengar semasa ujian mendengar Imtihan Qabul kerana strategi mendengar yang betul dapat membantu mahasiswa dalam memikirkan masalah yang bakal mereka hadapi semasa proses mendengar.

Kesimpulan

Kemahiran mendengar adalah batu loncatan untuk belajar bahasa kerana mendengar dengan baik adalah salah satu kemahiran yang paling penting yang mesti dikuasai oleh pelajar bahasa. Tahap penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab mahasiswa tajaan Negeri Selangor berdasarkan keputusan skor dari Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah Mesir adalah pada tahap Jayyid Jiddan (sangat baik) dan skor min pada tahap tinggi. Faktor pengetahuan asas bahasa merupakan kelemahan mahasiswa dalam ujian kemahiran mendengar bahasa Arab dan majoriti mahasiswa sangat bersetuju bahawa dengan menguasai kemahiran mendengar, mahasiswa akan dapat memperbaiki kemahiran bertutur, dan kemahiran-kemahiran yang lain. Sebagai tambahan, ujian kemahiran memerlukan bukan sahaja keupayaan mahasiswa untuk menguasai pengetahuan bahasa asas tetapi mereka perlu mempunyai strategi mendengar dan teknik mendengar dengan baik. Justeru itu, pengkaji menyimpulkan bahawa, kemahiran mendengar merupakan satu aktiviti yang melibatkan proses pengecaman, dan pemahaman maklumat kontekstual, seperti persekitaran atau intonasi. Dengan strategi mendengar, memahami gaya penyampaian penutur, dan tahap kemahiran mendengar memberi gambaran bahawa, sekiranya kemahiran mendengar tidak dikuasai dengan baik, maka, masalah yang akan dihadapi mahasiswa seperti memahami perkataan tetapi tidak memahami maklumat, akan menyebabkan mereka terkeliru dengan idea utama dalam maklumat tersebut.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam dan pihak yang terlibat atas sokongan dan galakan terhadap penyelidikan ini.

Persetujuan Termaklum: Kajian telah mendapat persetujuan daripada semua individu yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Penulis-penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara mana-mana pihak.

Rujukan

- Aboudahr. (2020). The Effect of Using YouTube to Increase the Level of Listening Skills Among Non-Native Students of Arabic Speakers in Malaysian Universities. *Education Quarterly Re-views*, 3(2), 207-219. <https://doi.org/10.31014/aior.1993.03.02.133>.
- Al-Nafisah. (2019). Issues and Strategies in Improving Listening Comprehension in a Classroom. *International Journal of Linguistics*, 11(3), 93-106. 10.5296/ijl.v11i3.14614.
- Al-Sabbagh, Bradley, & Bartram. (2019). Mobile Language Learning Applications for Arabic Speaking Migrants – A Usability Perspective. *Language Learning in Higher Education.*, 9 (1). 71-95. <https://doi.org/10.1515 / cercles-2019-0004>.
- Arcidiacono & Convertini. (2021). Verbal and Non-Verbal Forms of Argumentation at Kindergarten. *Proceedings of ICERI2020 Conference UNSPECIFIED, Seville: IATED*, 2941-2946. <https://doi.org/10.21125/iceri.2021.0731>.
- Arifin, Febriani, Saputra, & Anasruddin. (2021). *Arabic Learning In The Digital Era: Approach In Online System*. Lughawiyah: *Journal of Arabic Education and Linguistics*, 3(1). <http://dx.doi.org/10.31958/lughawiyah.v3i1.2752>.
- Aziz, Kemal, Al-Firdausy, & Syafi'i. (2022). Learning Listening and Reading Skills from the Arabic Language

- in a Psycholinguistic Perspective. *Jurnal Pendidikan*, 14(4), 4997–5006. <https://doi.org/10.35445/alishlah.v14i4.2296>.
- Baharudin & Khodari. (2022). The Use of YouTube Motivates Students in Improving their Arabic Listening Skills. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6), 1152 – 1164. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i6/14070>
- Erickzon. (2015). The Relationship Between Listening Proficiency and Speaking Improvement in Higher Education: Considerations in Assessing Speaking and Listening. *High. Learn. Res. Commun*, 5(2), 34-56. <https://doi.org/10.18870/hlrc.v5i2.236>.
- Hadijah & Shalawati. (2016). A Study on Listening Skills and Perspectives to First Year Students at English Department of Academic Year 2015/2016. *J-SHMIC : Journal of English for Academic*, 3(2), 70-80. [https://doi.org/10.25299/jshmic.2016.vol3\(2\).527](https://doi.org/10.25299/jshmic.2016.vol3(2).527)
- He. (2017). The Use of English in the professional world in China. *World Englishes*, 4 (36), 571-590. 0883-2919. <https://doi.org/36.10.1111/weng.12284>.
- Jamil. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian*. Ph.D. The-sis, Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie & Morgan. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>.
- Meifang. (2022). A Language Management Approach To Language Problems. *Current Issues in Language Planning*, 23(3), 343-345. <https://doi.org/10.1080/14664208.2022.2055935>.
- Nurdianto et al. (2020). CEFR-Based Arabic Language Learning Compe-tency. *Izdihar. Journal of Arabic Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 3(3), 229–248. <https://doi.org/10.22219/jiz.v3i3.14123>.
- Protsenko. (2021). Typical Errors In The Use Of Verbal Forms As A Consequence Of Gaps In School Education. *Research Bulletin Series Philological Sciences*, 1, 422-428. <https://doi.org/10.36550/2522-4077-2021-1-193-422-428>.
- Rincón-Gallardo. (2020). De-schooling Well-being: Toward a Learning-Oriented Definition. *ECNU Review of Education*, 3(3), 452–469. <https://doi.org/10.1177/2096531120935472>
- Saja, I., Mearaj, @, Ramli, S. M., Sopian, A., Qayyum, A., & Razak, A. (2021). The Use Of Youtube In Ara-bic Speaking Skills During Open And Distance Learning (ODL). *In Culture anda Social Learning*, 18(4), 188-202. <http://journalarticle.ukm.my/17729/1/49017-159089-1-SM.pdf>.
- Fraser-Thill. (2021). 4 major domains of child development. Verywell Family. Retrieved August 28, 2022, from <https://www.verywellfamily.com/definition-of-domain-3288323>
- Vega. (2016). Factors to Consider When Teaching Listening Comprehension in the EFL/ESL Classroom. *MEXTESOL Journal*, 40(4). ISSN: 2395-9908.
- Williams. (2021). Attention and listening skills. *A Practical Resource for Early Years Professionals*, 2(1), 302. <https://doi.org/10.4324/9781003031109-3>.
- Zurqoni, Retnawati, Rahmatullah, Djidu, & Apino. (2020). Has Arabic Language Learning Been Successfully Implemented? *International Journal of Instruction*, 13(4), 715-730. <https://doi.org/10.29333/iji.2020.13444a>